



Phahrolrazi (tengah) meninjau projek MyGreen Team di SMK Tajar, di Alor Setar, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

# NAFAS perkenal program pertanian pintar di Kedah

## Sawah boleh diusahakan 4 kali setahun, bantu tingkat hasil padi

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan memperkenalkan program pertanian pintar di Kedah bagi membolehkan sawah diusahakan empat kali setahun sekali gus membantu meningkatkan hasil padi negara.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata pihaknya kini sedang mengenal pasti ka-

wasan yang sesuai untuk diusahakan tanaman padi secara estet dengan persetujuan pemilik sawah bagi mengoptimumkan kos operasi.

“Kita akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meminta persetujuan pemilik sawah sebelum kita laksanakan program pertanian pintar tahun ini.

“Menerusi program ini kita akan buat semaian sebelum padi yang lebih tinggi ditanam bagi memastikan ia dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat, hanya 60 hari berbanding kaedah biasa yang mengambil masa 120 hingga 150 hari. Dengan itu kita akan dapat usahakan sawah empat kali setahun,” katanya.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata menerusi program itu juga petani akan didedahkan de-

ngan teknologi mikrob yang akan mereputkan jerami menjadi baja.

Sebuah syarikat akan dilantik untuk menyebarkan mikrob ke atas jerami sekali gus ia akan mengelak daripada berlakunya pencemaran udara akibat pembakaran jerami.

“NAFAS juga turut akan memperkenalkan jentera moden bagi tujuan membajak hingga menuai yang akan dikendalikan menerusi alat kawalan jauh. Bagi proses menyebarkan racun dan baja pula kita akan gunakan dron,” katanya.

NAFAS juga sedang mendedahkan program pertanian pintar kepada pelajar menerusi Program MyGreenTeam.

Pelajar Kelab Pertanian Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar akan menjadi se-

kolah perintis dilatih mengusahakan sawah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

“Pelajar dilatih menggunakan dron serta kaedah menanam padi bagi memupuk minat terhadap pertanian selain menjadikan ia sebagai kerjaya pilihan.

“Projek ini turut melatih pelajar menanam tanaman kontan dan akan melatih mereka menjadi usahawan muda dengan menjual tanaman yang ditanam,” katanya.

Terdahulu, Phahrolrazi ditemui selepas meninjau projek sawah MyGreen Team di sekolah itu di sini, semalam.

Sekolah itu menerima peruntukkan sebanyak RM10,000 daripada Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) bagi membiayai projek Akuaponik sekolah.